

Faktor Penyebab Penyisihan Sosial dalam Kalangan Masyarakat berdasarkan Sorotan Karya Bersistematik dan Keperluan Analisis Lanjut daripada Perspektif Islam

The Determining Factors of Social Exclusion among Society based on Systematic Literature Review and the Need for Further Analysis from Islamic Perspective

NIK MOHD AZIM NIK AB MALIK
SHAHIDA SHAHIMI
MOHD ADIB ISMAIL
MUHAMMAD HAKIMI MOHD SHAFIAI

ABSTRAK

Penyisihan sosial merujuk kepada penafian akses kepada sistem sosial, termasuk hak dan keistimewaannya yang secara lazim dinikmati oleh setiap individu. Dalam konteks ekonomi, penyisihan sosial berkait rapat dengan masalah kemiskinan, kerentanan dan ketidaksamaan ekonomi. Penyisihan sosial secara berterusan bukan sahaja akan melebarkan lagi kesenjangan ekonomi, malah turut menghalang pembangunan ekonomi yang inklusif dan mapan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji faktor yang menyebabkan penyisihan sosial dalam masyarakat. Dengan mengetahui penyebab kepada penyisihan sosial ini, maka langkah intervensi yang sesuai dapat dilakukan selanjutnya bagi mengatasi isu ini. Kajian ini menggunakan pendekatan sorotan karya bersistematik secara kualitatif berdasarkan Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). Kajian lepas utama yang berkaitan diperoleh dan dikenal pasti menggunakan prosedur bersistematik bersumberkan dua (2) pangkalan data jurnal atas talian utama, iaitu Web of Science (WoS) dan Scopus untuk tujuan analisis deskriptif dan bertema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama penyebab kepada penyisihan sosial dalam kalangan masyarakat ialah; keupayaan modal insan, demografi, ekonomi dan faktor lain. Oleh yang demikian, kesemua faktor tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak penggubal dasar berkaitan dalam merangka dasar pembangunan sosio-ekonomi yang lebih holistik dan komprehensif demi memperbaiki tahap keterangkuman sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya.

Kata kunci: Punca; kerentanan; ketidaksamaan; keterangkuman sosial; ulasan

ABSTRACT

Social exclusion refers to denial to the social system access, rights and privileges that are generally available to everyone. In economic context, social exclusion is closely related to poverty, vulnerability and economic inequality issues. Social exclusion will widen the economic inequality and prevent inclusive and sustainable economic development. Therefore, this study aims to study the determining factors of social exclusion among society. By understanding the determinants of social exclusion, appropriate intervention measures could be devised. This study uses a qualitative systematic review based on Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). Relevant primary studies were obtained and identified using a systematic procedure based on two (2) primary online journal databases, namely Web of Science (WoS) and Scopus for descriptive and thematic analyses. The findings of this study indicate that the main determining factors of social exclusion among society are: human capital capabilities, demographics, economics and other factors. Hence, these identified factors need to be taken into consideration by the relevant policy makers in formulating a more holistic and comprehensive socio-economic development policy in order to achieve higher level of social inclusion among society in Malaysia.

Keywords: Causes; vulnerability; inequality; social inclusion; review

PENGENALAN

Penyisihan sosial (PS) merupakan terma yang bersifat luas dan multidimensi (Silver 1995) - dimensi ekonomi, politik dan budaya (sosial)

(Figuroa et al. 1995; Majid et al. 2012). Dalam konteks global, PS telah menjadi isu penting yang membimbangkan negara maju terutamanya di Eropah. Hal ini dapat dilihat apabila seramai 122.6 juta orang atau sebanyak 24.5% daripada penduduk

di Kesatuan Eropah berisiko untuk mengalami kemiskinan dan PS (Eurostat 2014). Isu PS dianggap penting kerana sangat berkait rapat dengan masalah kemiskinan dan ketidaksamaan (Faria 1995; Silver 1995; Ismail et al. 2015; Hazari & Mohan 2015) serta kerentanan (*vulnerability*) (Moustafa et al. 2014), iaitu kemungkinan untuk mengalami kemiskinan pada masa sekarang atau risiko menjadi lebih miskin pada masa depan (Jha & Dang 2009). Justeru, Figueroa (2006) berpendapat bahawa konsep PS melangkaui konsep kemiskinan kerana ia merangkumi ketidakupayaan golongan miskin untuk melibatkan diri dalam kehidupan ekonomi, politik dan budaya (sosial).

Secara umumnya PS merujuk kepada proses yang kompleks yang mana sesetengah kumpulan atau komuniti disekat secara sistematik daripada hak, peluang dan sumber (contohnya perumahan, pekerjaan, penjagaan kesihatan, penglibatan sivik, penyertaan demokratik dan proses sewajarnya) yang biasanya tersedia untuk semua orang atau hak untuk mengakses dalam perkara tersebut ini dinafikan. Hasilnya penafian hak tersebut menghalang individu dan kumpulan terbabit untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam ekonomi, politik komuniti dan kehidupan sosial mereka (Alimohammadi & Modiri 2016). Konsep PS merangkumi kepelbagaian yang luas bagi masalah sosial dan ekonomi (Sen 2000). Antara mekanisme yang mempunyai kaitan dengan PS ialah pembasmian (*extermination*), pengusiran (*exile*), pembuangan atau pengguguran (*abandonment*), pemuluan (*ostracism*), peminggiran (*marginalization*), pengasingan atau pemisahan (*segregation*), diskriminasi (*discrimination*), memalukan (*shaming*) (Silver 2007), penolakan (*rejection*), kurang sokongan (*lack of support*) dan penafian penyertaan terhadap orang atau kumpulan tertentu (*denial of participation for certain people or groups*) (Majid et al. 2012). Di samping itu penyisihan dari sudut hubungan sosial pula merangkumi empat (4) aspek termasuk sosialisasi (*socializing*), pemencilan sosial (*social isolation*), sokongan sosial (*social support*) dan penglibatan sivik (*civic engagement*).

PS mempunyai kesan negatif sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi. Dari aspek sosial, masalah PS boleh memberi kesan terhadap pembangunan individu dan keluarga disebabkan oleh pelbagai masalah psikologi seperti kemurungan, kebimbangan, tahap keyakinan diri yang rendah dan perasaan terasing (Robila 2006). Manakala dari sudut ekonomi pula, PS berupaya memberi implikasi terhadap mereka yang mengalaminya kerana dapat

membentuk lingkaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*) yang menyebabkan orang miskin kekal miskin, malahan melahirkan pula generasi yang miskin (Ismail et al. 2014). Di samping itu, elemen kerentanan yang mempunyai kaitan rapat dengan konsep PS juga merupakan satu tekanan terhadap laluan ke arah pencapaian pembangunan lestari (Yasar, Siwar & Ghazali 2016).

Dalam konteks Malaysia, kewujudan masalah PS secara berterusan tanpa sebarang langkah berkesan untuk mengatasinya berpotensi untuk membantutkan pencapaian objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 5 Oktober 2019 yang lalu yang bertujuan menangani jurang kekayaan dan pendapatan (menangani ketidaksamaan). Seterusnya, PS juga merupakan isu yang turut berupaya menghalang pencapaian matlamat ke-8 dan 10 dalam Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) 2015-2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu mencapai pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mengurangkan ketidaksamaan, masing-masing. Hal ini kerana pertumbuhan ekonomi dikatakan bersifat inklusif apabila berlaku pengurangan insiden kemiskinan dalam kalangan kumpulan yang tersisih dan kurang bernasib baik (Deshpande 2013). Manakala dari perspektif Islam, isu PS mempunyai hubungan yang rapat dengan perihal penyuburan jiwa (*nafs*), agama (*deen*) dan kekayaan (*maal*) dalam *maqasid al-shariah* (objektif syariah). PS berkait rapat dengan ketiga-tiga objektif syariah tersebut seperti mana yang dikemukakan dalam *Rangka Kerja Maqasid Al-Shariah Pembangunan Insan dan Kesejahteraan* oleh Chapra (2008), iaitu dari segi solidariti sosial, pembasmian kemiskinan dan pengagihan kekayaan yang adil.

Memandangkan PS merupakan isu penting yang masih belum dapat diatasi sejak sekian lama, timbul persoalan kajian iaitu, apakah faktor yang menyebabkan berlakunya PS dalam kalangan masyarakat? Secara spesifik, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan mengupas secara lebih mendalam mengenai faktor penyebab kepada PS dalam kalangan masyarakat. Walaupun konsep PS bersifat multidimensi yang mana ia boleh dilihat secara berasingan sekurang-kurangnya dalam tiga (3) dimensi yang utama iaitu sosial, ekonomi dan politik, namun kajian ini memfokus kepada konsep PS dalam dimensi yang lebih luas yang merangkumi ketiga-tiga dimensi tersebut.

Bagi mencapai tujuan di atas, kajian ini menggunakan kaedah sorotan karya bersistematik (*systematic literature review*). Sorotan karya bersistematik ialah usaha mencari dan meneliti kajian lepas secara komprehensif berdasarkan kaedah yang sistematik dan jelas, yang mana setiap langkah pencarian yang dilakukan boleh diulang semula oleh pengkaji lain (Shaffril 2018). Penyelidik memilih kaedah sorotan karya bersistematik dalam kajian ini kerana kaedah tersebut mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan kaedah sorotan karya konvensional. Melalui sorotan karya bersistematik, sorotan karya dapat diperkukuh melalui proses mendapatkan artikel yang telus, bidang kajian yang lebih luas, tujuan yang lebih penting yang boleh mengawal kecenderungan (*bias*) kajian (Shaffril et al. 2019). Selain kelebihan kaedah kajian yang akan digunakan, didapati masih tidak terdapat kupasan yang menyeluruh dan komprehensif mengenai isu PS dalam kajian terdahulu.

Kajian ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama membincangkan perihalan latar belakang kajian, manakala bahagian kedua pula adalah mengenai metodologi kajian. Seterusnya, bahagian ketiga dan keempat masing-masing menjelaskan dapatan bagi proses sorotan karya bersistematik serta analisis dan sintesis yang telah dijalankan berkenaan dengan faktor penentu penyisihan sosial dalam kalangan masyarakat. Akhir sekali penyelidik membuat kesimpulan yang turut merangkumi potensi kajian masa depan.

METODOLOGI

Bagi menjawab persoalan kajian, kajian bersifat ulasan ini dijalankan secara bersistematik menggunakan prosedur kajian yang dikenali sebagai *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). PRISMA merupakan piawaian yang diterbitkan untuk mengendalikan

sortoran karya bersistematik yang mana piawaian ini menjadi panduan kepada penyelidik dengan maklumat yang berkaitan dan diperlukan yang akan membolehkan mereka menilai serta memeriksa kualiti dan ketelitian sorotan yang dilakukan (Shaffril et al. 2019). Secara umumnya terdapat empat (4) proses pemilihan artikel kajian dalam PRISMA iaitu proses pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan rangkuman (*inclusion*) (Gilath & Karantzas 2019).

PENGENALPASTIAN

Proses ini bertujuan untuk mengenal pasti kata kunci yang paling relevan dengan fokus kajian. Bagi mengenal pasti kata kunci yang tepat untuk mendapatkan artikel yang paling berkait rapat dengan bidang yang dikaji, maka penyelidik menggunakan kata kunci seperti yang disarankan oleh Silver (2007) dan ditambah pula dengan pencarian tesaurus yang mempunyai makna yang sama dengan istilah PS. Pada peringkat ini, penyelidik menggunakan dua (2) pangkalan data jurnal elektronik utama iaitu *Web of Science (WoS)* dan *Scopus* bagi mendapatkan artikel jurnal yang relevan dengan kajian ini. Proses dimulakan dengan melakukan siri carian (*search string*) kata kunci utama yang mewakili kajian ini dengan menggunakan kemudahan carian yang tersedia dalam pangkalan data elektronik *WoS* dan *Scopus* dengan arahan (*command*) yang eksklusif yang telah ditetapkan dalam setiap pangkalan data tersebut. Hasil pencarian dengan menggunakan siri carian mengikut kesesuaian setiap pangkalan data (Jadual 1) menghasilkan sejumlah 63 artikel dalam *WoS* dan 124 artikel dalam *Scopus*. Setelah mengambil kira perihalan pertindanan dokumen artikel yang wujud dalam kedua-dua pangkalan data tersebut, maka sebanyak 43 buah dokumen artikel yang telah disisihkan yang menjadikan sebanyak 144 buah dokumen artikel kesemuanya yang ditemui pada peringkat ini.

JADUAL 1. Siri carian (*search string*)

Pangkalan Data	Kata Kunci
Web of Science (WoS)	TS=((“determining factor*” OR “causing factor*” OR “contributing factor*” OR “influencing factor*”) AND (“social exclusion*” OR “social marginalization*” OR “social isolation*”))
Scopus	TITLE-ABS-KEY ((“determining factor*” OR “causing factor*” OR “contributing factor*” OR “influencing factor*”) AND (“social exclusion*” OR “social marginalization*” OR “social isolation*”))

SARINGAN

Peringkat ini bertujuan untuk melakukan pemilihan yang lebih terperinci iaitu dengan menetapkan

kriteria khusus bagi mendapatkan dokumen artikel yang benar-benar diperlukan. Terdapat dua (2) kriteria yang telah ditentukan pada peringkat ini, iaitu jenis dokumen dan bahasa pengantar dokumen

(Jadual 2). Bagi jenis dokumen, penyelidik hanya memilih artikel jurnal, manakala untuk bahasa pengantar, penyelidik hanya memilih Bahasa Inggeris. Hasil pencarian dokumen kajian yang diperolehi pada peringkat ini merangkumi sebanyak 129 buah dokumen artikel jurnal yang dikehendaki, manakala hanya 15 buah dokumen yang disisihkan pada peringkat saringan ini.

KELAYAKAN

Peringkat kelayakan bertujuan menentukan artikel yang berupaya membantu menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan lebih awal. Untuk itu, kriteria yang lebih spesifik telah ditetapkan. Hanya artikel jurnal yang memfokus kepada faktor penentu PS yang dipilih untuk analisis lanjut. Pemilihan

JADUAL 2. Kriteria penyisihan dan rangkuman

Kriteria	Rangkuman	Penyisihan
Jenis Dokumen	Artikel jurnal	Buku, artikel prosiding, artikel ulasan karya, bab dalam buku.
Bahasa Pengantar	Inggeris	Selain daripada Bahasa Inggeris.

artikel pada peringkat ini dilakukan dengan teliti iaitu dengan menelaah tajuk, abstrak dan kandungan bagi kesemua artikel jurnal yang berjaya melepasi sehingga ke tahap ini.

RANGKUMAN

Proses terakhir ini bertujuan mengenal pasti artikel jurnal yang benar-benar menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan kesemua proses yang diterangkan di atas, terdapat sembilan (9) artikel jurnal sahaja yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Seterusnya, kesemua artikel akhir ini akan dianalisis secara deskriptif dan tematik. Kesemua proses pemilihan dokumen artikel kajian secara sistematik melalui prosedur PRISMA yang diterangkan di atas dapat diringkaskan oleh Rajah 1 berikut.


KEPUTUSAN DAN ANALISIS KAJIAN

Bahagian ini akan menjelaskan tentang keputusan kajian berdasarkan prosedur PRISMA yang telah dilakukan ke atas artikel kajian lepas berkaitan faktor penentu PS dalam kalangan masyarakat. Keputusan kajian ini seterusnya akan dianalisis menggunakan dua (2) kaedah iaitu analisis deskriptif dan tematik.


ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif dilakukan dalam dua aspek, iaitu bentuk atau pendekatan kajian, serta negara konteks kajian. Secara keseluruhan, didapati terdapat sembilan (9) kajian lepas utama (artikel jurnal) yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan faktor penentu PS.

Dalam aspek bentuk atau pendekatan kajian saintifik yang digunakan dalam kajian lepas berkaitan PS ini, kedua-dua bentuk kuantitatif dan/atau kualitatif telah digunakan. Sebagai contoh, kajian terawal tentang faktor penentu PS telah menggunakan pendekatan kuantitatif secara empirikal (lihat, Tsakloglou & Papadopoulos 2002), kemudian diikuti Lauber et al. (2004), Engels dan Liu (2011), Audet et al. (2013), Craig et al. (2015), Hutchinson et al. (2015), Alimohammadi dan Modiri (2016), Animut et al. (2019) dan Binder et al. (2019). Malahan, kebanyakan faktor penyebab PS yang dikaji menggunakan pendekatan kuantitatif (5) berbanding pendekatan kualitatif (4). Setakat ini, tidak terdapat kajian tentang faktor penyebab PS menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*) yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Rajah 2 di bawah menunjukkan pola bentuk kajian oleh penulis terdahulu apabila mengkaji faktor penentu PS.




RAJAH 1. Rajah Carta Alir PRISMA
 Sumber: Diadaptasi berdasarkan Moher et al. (2009) dan Shaffril et al. (2019).



RAJAH 2. Perbandingan bilangan artikel kajian mengikut pendekatan kajian
 Sumber: Analisis penulis (2019)

Dalam aspek konteks negara yang dikaji, didapati negara Australia merupakan negara yang paling banyak dikaji mengenai faktor penentu PS, iaitu sebanyak tiga (3) kajian, disusuli Amerika Syarikat (2) dan seterusnya negara Switzerland (1), Iran (1) dan Ethiopia (1), masing-masing (Rajah 3).



RAJAH 3. Kajian penyisihan sosial yang dilakukan mengikut konteks negara di dunia
 Sumber: Analisis penulis (2019)

ANALISIS TEMATIK

Seterusnya, setiap dapatan kajian yang telah dikemukakan oleh sebilangan kajian lepas akan dianalisis secara bertema. Berdasarkan sorotan karya bersistematik yang telah dijalankan, maka penentu PS dalam kalangan masyarakat terdiri daripada faktor berikut: individu yang mengalami (i) *traumatic brain injury* (TBI); (ii) kecederaan saraf tunjang (*spinal cord injury*); (iii) mempunyai tahap kesihatan yang teruk; (iv) menghidap penyakit seperti *obstetric fistula*, *the human immunodeficiency viruses* (HIV) dan penyakit mental, masing-masing. Selain itu, (v) golongan muda yang dalam kalangan keluarga mereka mempunyai ibu atau bapa yang mempunyai masalah *younger onset dementia* (YOD); (vi) kekurangan pekerjaan sepenuh masa; (vii) memiliki tahap pendidikan yang rendah; (viii)

berstatus ibu atau bapa tunggal; (ix) berstatus bukan warga negara; (x) warga emas yang bukan pemandu kereta; dan (xi) mempunyai halangan akses kepada ruang, aktiviti serta pemilikan.

Kesemua faktor penyebab PS tersebut di atas secara umumnya dapat disintesis menjadi empat (4) tema atau faktor utama, iaitu: (i) keupayaan modal insan; (ii) demografi; (iii) ekonomi, dan (iv) faktor lain-lain. Faktor pertama PS iaitu keupayaan modal insan terdiri daripada dua (2) sub-tema (sub-faktor), iaitu tahap kesihatan dan pendidikan. Tahap kesihatan meliputi kesihatan fizikal (F) dan kesihatan mental (M). Justeru, dapat disimpulkan bahawa, keupayaan modal insan merupakan faktor utama penyebab kepada PS. Secara spesifik, masyarakat yang mempunyai masalah kesihatan seperti mengalami TBI, kecederaan saraf tunjang, menghidap penyakit *obstetric fistula*, HIV dan mempunyai tahap kesihatan yang teruk, serta mengalami penyakit mental cenderung untuk mengalami PS. Selain masalah kesihatan, golongan masyarakat yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah juga cenderung untuk mengalami PS.

Faktor kedua PS dalam kalangan masyarakat ialah demografi. Faktor ini dapat dibahagikan kepada dua (2) sub-faktor iaitu individu berstatus ibu atau bapa tunggal, dan individu bukan warga negara. Seterusnya, faktor ketiga PS berkaitan dengan ekonomi yang mana secara khususnya berkait rapat dengan masalah pengangguran. Umum mengetahui bahawa pengangguran dalam kalangan masyarakat akan menyebabkan isi rumah terlibat hilang punca pendapatan yang menyebabkan golongan ini terdedah kepada masalah kemiskinan bersifat multidemensi. Kemiskinan akan cenderung menyebabkan golongan ini mengalami penyisihan sosial. Manakala faktor terakhir PS (keempat) ialah faktor lain, termasuklah halangan akses kepada aktiviti, ruang dan pemilikan, serta warga emas yang bukan pemandu kereta. Faktor ini menjerus kepada penafian hak dan keistimewaan masyarakat daripada menikmati akses kepada sistem sosial (rujuk, definisi PS yang dibincangkan sebelum ini).

Oleh demikian, dapatlah disimpulkan bahawa berdasarkan analisis tematik, terdapat empat (4) faktor utama penyebab PS dalam kalangan masyarakat, iaitu: keupayaan modal insan, demografi, ekonomi dan faktor lain. Kesemua faktor utama dan sub-faktor dapat diringkaskan seperti Jadual 3 di atas. Dalam kajian ini didapati bahawa faktor keupayaan modal insan di bawah sub-tema tahap kesihatan fizikal (TKF) merupakan faktor yang paling dominan di antara kesemua faktor penentu PS

JADUAL 3. Faktor utama dan sub-faktor penyebab penyisihan sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan sorotan karya bersistematik

Pengkaji Lepas	Faktor 1: Keupayaan Modal Insan		Faktor 2: Demografi		Faktor 3: Ekonomi	Faktor 4: Lain-Lain	
	TK	TP	SIBT	SBW	KPSM	AKSES	WBPK
	F	M					
Binder et al. (2019)	/						
Animut et al. (2019)	/					/	
Alimohammadi & Modiri (2016)							
Hutchinson et al. (2015)	/						
Craig et al. (2015)	/						
Audet et al. (2013)	/						
Engels & Liu (2011)							/
Lauber et al. (2004)		/					
Tsakoglou & Papadopoulou (2002)	/		/	/	/		
Jumlah	6	1	1	1	1	1	1

Nota: TK = Tahap kesihatan, F = Kesihatan fizikal, M = Kesihatan mental, TP = Tahap pendidikan, SIBT = Status ibu atau bapa tunggal, SBW = Status bukan warga negara, KPSM = Kurang pekerjaan sepenuh masa, AKSES = Halangan akses kepada aktiviti, ruang dan pemilikan, WBPK = Status warga emas bukan pemandu kereta.

dalam kalangan masyarakat. Hal ini jelas kelihatan apabila sebanyak enam (6) daripada sembilan (9) artikel jurnal utama yang dikaji telah menghasilkan keputusan kajian yang sama. Sementara dapatan kajian penentu PS yang berkaitan dengan faktor seperti keupayaan modal insan dengan sub-tema TKM dan TP, demografi (SIBT dan SBW), KPSM dan faktor lain-lain (HARAP dan WBPK) masing-masing hanya dijelaskan oleh satu (1) artikel jurnal sahaja.

PERBINCANGAN: JURANG KAJIAN BAGI ISU PENYISIHAN SOSIAL

Penelitian lanjut menemui hanya satu (1) kajian yang mempunyai sandaran teori dalam perbincangan berkaitan PS, iaitu oleh Hutchinson et al. (2015). Kajian tersebut menggunakan Model Sosial berkaitan Kurang Upayaan (*The Social Model of Disability*) bagi menjelaskan tentang penyebab peminggiran sosial. Menurut model ini, kelemahan ialah batasan fungsi dalam diri individu yang disebabkan oleh kelemahan fizikal, mental dan pancaindera. Sementara kecacatan pula ialah kehilangan atau batasan peluang untuk mengambil bahagian dalam kehidupan normal masyarakat pada tahap yang sama antara satu sama lain yang disebabkan oleh halangan fizikal dan sosial. Namun begitu, teori tersebut belum cukup untuk menjelaskan secara terperinci tentang hubungan kait antara faktor PS dengan masalah kemiskinan, kerentanan dan ketidaksamaan. Hal ini penting kerana konsep PS

adalah sangat sebatian dengan ketiga-ketiga masalah tersebut.

Selain itu, penelitian terhadap kesemua kajian utama mendapati masih tidak terdapat kajian tentang PS menurut perspektif Islam sehingga kini. Hal ini penting untuk dikaji secara ilmiah kerana Islam mempunyai paradigma yang berbeza berbanding konvensional. Pada kebiasaannya, perspektif konvensional tentang punca kepada pelbagai masalah yang timbul hanya terhad kepada faktor luaran yang nyata (*tangible*), atau aspek material semata-mata berbanding dengan pandangan Islam yang mengambil kira kedua-dua faktor luaran yang nyata dan dalaman yang tidak nyata (*intangible*) seperti elemen kerohanian dan keagamaan. Ini menunjukkan bahawa Islam sentiasa melihat faktor penyebab kepada berlakunya sesuatu isu tertentu dalam dimensi yang lebih luas. Sebagai contoh, dalam konteks keupayaan modal insan, pembangunan personaliti seseorang individu dapat dibina melalui latihan fizikal yang menggabungkan diet yang lengkap, pemakanan yang sihat dan senaman. Selain itu, terdapat juga keperluan latihan rohani dengan memurnikan jiwa menerusi solat *tahajjud*; serta latihan mental dengan mengambil bahagian dalam usrah dan terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan (Ahmad 2019). Manakala dalam konteks sosio-ekonomi, Islam membahagikan kemiskinan kepada tiga (3) bahagian iaitu; kemiskinan material, kemiskinan bukan material (jiwa/ rohani/ mental) dan kemiskinan khusus (Sanrego & Taufik 2016). Tambahan pula, aspek

kerohanian yang berkaitan dengan nilai keagamaan berpotensi untuk memberikan impak positif terhadap tahap ekonomi dan kualiti hidup asnaf zakat dalam kalangan fakir di Malaysia dalam jangka panjang (Wahid, Ahmad & Abdul Kader 2011, 2012).

Oleh demikian, terdapat jurang kajian yang dikenal pasti hasil daripada kaedah sorotan karya bersistematik yang dilakukan dalam kajian ini. Antara lain, potensi kajian akan datang merangkumi faktor penyebab PS dalam kerangka teori yang lebih komprehensif dalam menjelaskan fenomena PS dengan mengambil kira hubung kait dengan isu kemiskinan, kerentanan dan ketidaksamaan. Selain itu, meneroka faktor penentu PS menurut perspektif Islam dalam dimensi yang lebih luas dan mendalam. Hal ini penting kerana ia dapat membantu untuk membangunkan rangka kerja mengenai PS dengan lebih kukuh dan merangkumi kepelbagaian dimensi yang lebih holistik iaitu sosial, ekonomi dan politik yang mengambil kira aspek modal kerohanian menurut pandangan Islam dan penyelesaian yang bertunjangan objektif syariah.

KESIMPULAN

PS merupakan isu penting yang bersifat multidimensi. Antara dimensi utama yang berkait rapat dengan PS ialah dimensi sosial, ekonomi dan politik. Isu PS mempunyai hubungan dengan masalah ekonomi seperti kemiskinan, kerentanan dan ketidaksamaan ekonomi. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengetahui penyebab kepada PS. Hasil kajian melalui sorotan karya bersistematik terhadap sembilan (9) kajian lepas utama mendapati bahawa secara umumnya terdapat empat (4) faktor utama yang menjadi penyebab kepada PS iaitu; keupayaan modal insan, demografi, ekonomi dan faktor lain-lain. Justeru, kesemua faktor tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak penggubal dasar berkaitan di Malaysia semasa merangka dasar pembangunan sosioekonomi yang lebih holistik dan komprehensif. Selain itu, strategi yang berkesan perlu dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi menangani masalah kemiskinan, kerentanan dan ketidaksamaan ekonomi dalam kalangan masyarakat, serta seterusnya mencapai matlamat keterangkuman sosial dan pembangunan mapan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Skim Geran Penyelidikan

Fundamental (FRGS) Fasa 2018 yang dibiayai Kementerian Pendidikan Malaysia, bertajuk *Pembangunan Model Modal Kerohanian: Kajian ke atas Isi Rumah Mudah Terjejas* (FRGS/1/2018/SS08/UKM/02/2).

RUJUKAN

- Ahmad, S. 2019. Qur'anic guidelines for personality development and collective work. *Islamiyyat* 41(1): 109-116.
- Alimohammadi, M., & Modiri, A. 2016. Study of social-spatial exclusion and identifying its factors between enqelab street and college crossroad in Tehran. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication* 6: 1870-1888.
- Animut, M., Mamo, A., Abebe, L., Berhe, M.A., Asfaw, S & Birhanu., Z. 2019. "The sun keeps rising but darkness surrounds us": a qualitative exploration of the lived experiences of women with obstetric fistula in Ethiopia. *BMC Women's Health* 19 (37): 1-10.
- Audet, C.M, McGowan, C.C., Wallston, K.A., & Kipp, K.M. 2013. Relationship between HIV Stigma and Self-Isolation among People Living with HIV in Tennessee. *PLOS ONE* 8(8): 1-8.
- Binder, A.S, Lancaster, K., Lengenfelder, J., Chiaravalloti, N.D, & Genova, H.M. 2019. Community Integration in Traumatic Brain Injury: The Contributing Factor of Affect Recognition Deficits. *Journal of the International Neuropsychological Society* 25(8): 890-895.
- Chapra., U. 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Syariah*. Jeddah: IRTI IDB.
- Craig., A., Perry, K.K., Guest, R., Tran, Y., & Middleton, J. 2015. Adjustment following chronic spinal cord injury: Determining factors that contribute to social participation. *British Journal of Health Psychology* 20(4): 807-823.
- Deshpande, A. 2013. *Exclusion and Inclusive Growth*. New Delhi: UNDP.
- Engels, B., & Liu, G.J. 2011. Social exclusion, location and transport disadvantage amongst non-driving seniors in a Melbourne municipality. *Australia. Journal of Transport Geography* 19(4): 984-996.
- Eurostat. 2014. *At risk of poverty or social exclusion in the EU28 More than 120 million persons at risk of poverty or social exclusion in 2013 Almost 1 out of every 4 persons in the EU in this situation*. Eurostat News Release 168/2014-4 November 2014.
- Faria, V.E. 1995. Social exclusion and Latin America analyses of poverty dan deprivation. Dlm. *Social Exclusion: Rhetoric Reality Responses*, disunting oleh Rodgers, G., Gore. C. & Figueiredo, J. B. 117-130. International Labour Organization.
- Figuroa, A., Altamirano, T., & Sulmont, D. 1995. Social exclusion and social inequality in Peru. Dlm. *Social Exclusion: Rhetoric Reality Responses*, disunting oleh Rodgers, G., Gore, C. & Figueiredo, J. B., 57-80. International Labour Organization.
- Figuroa, A. 2006. Social exclusion. Dlm. *The Elgar Companion to Development Studies*, disunting oleh Clark, D. A., 563-568. Edward Elgar Publishing Inc.

- Gillath, O. & Karantzas, G. 2019. Attachment security priming: A systematic review. *Current Opinion in Psychology* 2(SI): 86-95.
- Hutchinson, K., Roberts, C., Daly, M., Bulsara, C., & Susan, K. 2015. Empowerment of young people who have a parent living with dementia: A social model perspective. *International Psychogeriatrics* 28(4): 657-668.
- Jha, R. & Dang, T. 2009. Vulnerability to poverty in select Central Asian countries. *The European Journal of Comparative Economics* 6(1): 17-50.
- Ismail, M. A., Malik, N. M. A., & Shafiai, M. H. 2014. Mainstreaming the peripheral ummah through waqf. *Proceedings The 5th International Symposium on Islam, Civilization, and Science: Islam As a Basis For Civilizational Thought And Development* (ISICAS 2014), 111-125.
- Ismail, M. A., Malik, N. M. A., & Shafiai, M. H. 2015. Empowering the peripheral ummah through waqf. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 12(1): 29-46.
- Lauber, C., Nordt, C., Falcato, L. & Roßler, W. 2004. Factors influencing social distance toward people with mental illness. *Community Mental Health Journal* 40(3): 265-273.
- Majid, S., Rahim, D. E. & Hassan, K. H. 2012. Theories of poverty: A comparative analysis. *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review* 1(6): 45-56.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G. & The PRISMA Group. 2009. Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *PLoS Med.* 6(7):1-7.
- Moustafa, A., Abbott, D. & Butcher, S. 2014. *The State Of Human Development In The Pacific: A Report On Vulnerability And Exclusion In A Time Of Rapid Change*. Suva: UNDP.
- Robila, M. 2006. Economic pressure and social exclusion in Europe. *The Social Science Journal* 43(1): 85-97.
- Sanrego, Y. D. & Taufik, M. 2016. *Fiqih Tamkin (Fiqih Pemberdayaan) Membangun Modal Sosial Dalam Mewujudkan Khairu Ummah*. Jakarta: Qisthi Press.
- Sen, A. 2000. *Social Exclusion: Concept, Application, and Scrutiny*. Manila: Asian Development Bank.
- Shaffril, H. A. M. 2018. *Tips dan Teknik Penulisan Artikel Jurnal Systematic Review: Mari Bertateh Koleksi Infografik*. t.tp:t.pt.
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., Samsuddin, S. F. & Ali, Z. 2019. Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all? *Journal of Cleaner Production* 232: 104-117.
- Silver, H. 1995. Reconceptualizing social advantage: Three paradigm of social exclusion. Dlm. *Social Exclusion: Rhetoric Reality Responses*, disunting oleh Rodgers, G., Gore, C. & Figueiredo, J. B. , 57-80. International Labour Organization.
- Silver, H. 2007. Social exclusion. Dlm. *The Blackwell Encyclopedia of Sociology Volume IX*, disunting oleh Ritzer, G., 4411-4413. Blackwell Publishing.
- Tsakoglou, P. & Papadopoulos, F. 2002. Aggregate level and determining factors of social exclusion in twelve European countries. *Journal of European Social Policy* 12(3): 211-225.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Abdul Kader, R. 2011. Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup individu: kajian kes asnaf fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 14: 172-192.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Abdul Kader, R. 2012. Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin: satu tinjauan awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 6(1): 131-156.
- Yasar, M., Siwar, C. & Ghazali, R. 2016. Analisis kemudahterancaman pesawah padi di Kawasan Pembangunan Bersepadu Terengganu Utara, Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 50(2): 39-47.

Nik Mohd Azim Nik Ab Malik
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
nikukm84@gmail.com

Shahida Shahimi*
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS)
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
shahida@ukm.edu.my
* Penulis koresponden

Mohd Adib Ismail
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS)
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
mohadis@ukm.edu.my

Muhammad Hakimi Mohd Shafiai
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS)
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
hakimi@ukm.edu.my